

Reaksi Anggota Afro-Asian Terhadap Pembentukan Malaysia 1961–1965: Isu dan Penyelesaian dalam Hubungan Luar Malaysia

*Afro-Asian Response to the Formation of Malaysia 1961–1965:
Issues and Solutions in Malaysia Foreign Relations*

Ahmad Zainudin Husin

*Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan,
Universiti Pendidikan Sultan Idris
email: zainuddin.husin@fsk.upsi.edu.my*

Abstrak

Persidangan Afro-Asian dimulakan di Bandung (1955), diikuti Persidangan Kaherah (1957) dan Belgrade (1961), yang membawa kepada penubuhan pergerakan negara-negara berkecuali (NAM). Persidangan ini disertai negara-negara Komunis dan anti-Komunis yang bertujuan untuk mewujudkan sebuah kesatuan dalam kalangan negara-negara berkecuali dalam menentang usaha penjajahan Barat selepas Perang Dunia Kedua. Pengisytiharan Tunku Abdul Rahman berhubung cadangan pembentukan Malaysia pada tahun 1961 yang menggabungkan Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak, telah menimbulkan berbagai reaksi anggota persidangan tersebut. Kepelbagaian reaksi ini berkait rapat dengan kepentingan dari aspek strategik, keanggotaan dalam pertubuhan-pertubuhan tertentu, persempadanan, ideologi dan lain-lain. Reaksi sesetengah negara anggota ini kelihatan mengatasi “Semangat Bandung” yang menjadi pegangan mereka sejak tahun 1954. Artikel ini bertujuan untuk membincangkan reaksi anggota Persidangan Afro-Asian berhubung dengan isu penubuhan Malaysia sejak pengumumannya 1961 sehingga Persidangan Afro-Asian Kedua dirancang di Algeria 1965. Fokus perbincangan adalah tentang perbezaan pendirian negara-negara anggota tersebut yang boleh menjadi pengukur kepada tahap kesatuan yang dibentuk melalui persidang pertamanya di Bandung (1954).

Kata kunci *Afro-Asian, Persidangan, komunis, penjajahan, pertubuhan, kesatuan*

Abstract

Afro -Asian Conference in Bandung was initiated in 1955, and then followed by the Cairo Conference (1957) and Belgrade (1961), which led to the establishment of the non-aligned movement (NAM). The conference was attended by the Communist and anti-Communists countries, who aimed to create a union among the non-aligned in opposition to the occupation of the West after World War II. Declaration of Tunku Abdul Rahman regarding the proposal of formation of Malaysia in 1961, that combines

Malaya, Singapore, Sabah and Sarawak as a federation, has given rise to various reactions of the conference members. The diversity of these reactions are closely related to the importance of the strategic aspects, membership in certain organizations, borders, and other ideologies. The reaction of some member of countries are looking to address the "Bandung spirit" which became their holdings principle since 1954. This article aims to discuss the reaction of members of the Afro-Asian Conference in relation to the issue of the formation of Malaysia from 1961 up to planned second Afro-Asian Conference in Algeria's in 1965. The focus of the discussion was about the difference stance of member countries, which can be a yard stick of the level of unioness formed through first a conference in Bandung (1954).

Keywords *Afro-Asian, Conference, communism, colonialism, organization, unions*

Pengenalan

Persidangan Bandung merupakan satu gerakan yang dianjurkan oleh negara-negara berkecuali pada tahun 1955. Ia sebagai reaksi dari negara India, Indonesia, Burma dan Sri Lanka kepada Persidangan Manila yang membawa kepada penubuhan *Southeast Asia Treaty Organization* (SEATO) pada 8 September 1954. Keempat-empat negara ini menolak untuk menyertai persidangan tersebut sebagai menentang sikap agresif Amerika Syarikat di Asia Tenggara. Lanjutan daripada pendirian ini, pada 25 September 1954, satu kenyataan bersama Nehru dengan Sastroamidjojo yang mencadangkan penganjuran Persidangan Negara-Negara Asian-Afrika yang bertujuan menyeru kepada 'kesatuan dan keamanan'. Mesyuarat persediaan penganjuran persidangan tersebut diadakan pada 28 hingga 29 Disember 1954 di Bogor, Indonesia. Hasil mesyuarat di Bogor memutuskan untuk menanggung Persidangan Negara-Negara Asia-Afrika pada hujung April 1955 di Bandung (George McTurnan Kahin, 1956:64-72). Perubahan ini berikutan penganjuran persidangan yang dihadiri oleh 29 buah negara dari Asia, Afrika dan termasuk Afghanistan, Cambodia, China, Mesir, Ethiopia, Ghana, Iran, Iraq, Jepun, Jordan, Laos, Lebanon, Liberia, Libya, Nepal, Filipina, Arab Saudi, Sudan, Syria, Thailand, Turki, Democratic Republic of Vietnam, Vietnam Selatan, dan Yaman (Republic of Yemen) pada Disember 1955 (Nazli Choucri, 1969:1-17).

Persidangan Bandung yang dikendalikan oleh Burma, India, Indonesia dan Pakistan pada 18 hingga 24 April 1955 menjadi ruang kepada pembinaan kesatuan dalam kalangan negara-negara berkecuali (tidak memihak kepada mana-mana blok Perang Dingin) rantau Asia dengan Afrika. Ini terbukti dengan kejayaan persidangan susulan pada Disember 1955 yang turut dihadiri oleh 25 buah negara yang berkecuali dari Asia dan Afrika. Persidangan Bandung ini telah menggariskan sepuluh prinsip yang membawa maksud menentang imperialisme dan kolonialisme, berjuang demi mempertahankan kemerdekaan negara serta keamanan dunia dan mewujudkan persahabatan dalam kalangan manusia sebagaimana yang ditunjukkan dalam persidangan yang juga dikenali sebagai "Semangat Bandung". Sepuluh deklarasi yang dikemukakan iaitu:

"...Respect for fundamental human rights and for the purposes and principles of the charter of the United Nations, Respect for the sovereignty and territorial integrity of

all nations, Recognition of the equality of all races and of the equality of all nations large and small, Abstention from intervention or interference in the internal affairs of another country, Respect for the right of each nation to defend itself, singly or collectively, in conformity with the charter of the United Nations, Abstention from the use of arrangements of collective defence to serve any particular interests of the big powers, Abstention by any country from exerting pressures on other countries, Refraining from acts or threats of aggression or the use of force against the territorial integrity or political independence of any country, Settlement of all international disputes by peaceful means, such as negotiation, conciliation, arbitration or judicial settlement as well as other peaceful means of the parties own choice, in conformity with the charter of the United Nations, Promotion of mutual interests and cooperation, Respect for justice and international obligations..."

(Nazli Choucri, 1969:1-17)

Pendirian Malaysia Terhadap Afro-Asian

Malaysia menganggap keanggotaannya dalam persidangan Afro-Asian sebagai sesuatu yang perlu kerana perjuangannya tentang isu-isu kemanusiaan adalah mempunyai persamaan dengan perjuangan kumpulan tersebut. Ini jelas dalam kenyataan yang dikeluarkan oleh Menteri Luar Malaysia, Dato Ghazali Shafie pada 26 November 1964, antara lain menyatakan Malaysia juga mempunyai kepentingan dalam Afro-Asian dan turut bangga dengan peranan persidangan tersebut dalam memperjuangkan anti penjajahan, penyakit, kelaparan dan kesengsaraan yang dihadapi oleh kedua-dua benua tersebut. Negara-negara Asia dan Afrika juga boleh bersatu melalui persidangan ini dalam menyuarakan tuntutan mereka terhadap Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi menghapuskan diskriminasi agama dan kaum serta eksploitasi dalam kalangan manusia (*Parmanent Secretariat of Afro-Asian People's Solidarity Organization, Moshi, Tanganyika, 4-11 February 1963*).

Sejak awal kemerdekaan lagi Malaysia telah melaksanakan dasar-dasar yang dianggap selari dengan perjuangan Afro-Asian kecuali sikapnya terhadap Komunis. Pada peringkat ini, ramai yang beranggapan Persekutuan Malaysia tidak akan mempunyai dasar luar yang bebas tetapi terikat kepada kuasa Barat khususnya Britain, memandangkan negara itu baru merdeka. Langkah Persekutuan Malaysia mengutuk pendaratan tentera Amerika Syarikat di Lubnan pada tahun 1958 telah mengejutkan banyak pihak. Begitu juga dengan tindakan Malaysia menentang dasar *Apartheid* yang nyata bertentangan dengan pendirian British. Keadaan yang sama juga cukup mengejutkan apabila Malaysia menyokong keanggotaan Republik Rakyat China dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu selepas tahun 1960 dan ini adalah bertentangan sama sekali dengan pendirian Amerika Syarikat yang tidak mengiktiraf kewujudan Republik tersebut. Ini menunjukkan walaupun Persekutuan Malaysia merupakan negara pro-Barat tetapi ia bersedia untuk bertindak bebas jika perlu (Zainal Abidin Abdul Wahid, 1996: 409).

Walaupun pendirian sebenar dasar luar Malaysia ketika awal kemerdekaannya adalah lebih bersifat anti-Komunis, tetapi pada masa yang sama Malaysia juga bersifat pro-Barat. Ini pernah dinyatakan oleh Perdana Menteri pada masa itu, Tunku Abdul Rahman yang menyatakan "...dalam pergolakan Barat dengan pihak Komunis,

Persekutuan Malaysia akan timbul dan tenggelam dengan Barat.” (Zainal Abidin Abdul Wahid, 1996:409). Keadaan ini berkait dengan pengalaman buruk Malaysia yang berhadapan dengan aktiviti Komunis sejak tahun 1948, yang dianggap membahayakan keselamatan negara. Ini mendorong kerajaan mengadakan hubungan diplomatik dengan negara anti-komunis sama ada dengan negara di rantau Asia atau negara-negara Eropah. Antaranya ialah United Kingdom, Amerika Syarikat, Indonesia, Australia, Thailand dan Filipina. Berhubung dengan isu Indochina, Malaysia lebih memihak kepada Vietnam Selatan. Hubungan ini dimeterai secara rasmi apabila Tunku Abdul Rahman mengadakan lawatannya ke Saigon pada tahun 1958. Pendirian Malaysia dalam konflik Vietnam amat jelas apabila dalam lawatan Tunku Abdul Rahman ke Saigon, beliau telah membuat kecaman keras terhadap ancaman fahaman Komunis (Zainal Abidin Abdul Wahid, 1996:409). Keadaan ini menjejaskan sedikit hubungan Malaysia dengan anggota Persidangan Afro-Asian yang mempunyai keanggotaan dalam kalangan negara-negara Komunis termasuk China.

Penubuhan Malaysia dan Reaksi Negara Anggota Persidangan Afro-Asian

Sejarah penubuhan Malaysia diilhamkan oleh Tunku Abdul Rahman pada Mei 1961 bagi menyatukan Malaysia dengan jajahan British di Borneo dan Singapura. Perlaksanaan gagasan ini akan membolehkan wilayah tersebut menikmati kemerdekaan di bawah Persekutuan Malaysia. Cadangan ini menimbulkan berbagai reaksi daripada ketiga-tiga negeri tersebut. Kesultanan Brunei yang berada di bawah kawalan British dan tidak diperintah secara langsung, tetapi mempunyai sokongan yang kuat daripada rakyatnya. Sokongan ini adalah berkait rapat dengan kebanggaan rakyatnya terhadap sejarah awal Kesultanan Brunei tersebut yang memiliki empayar yang besar di sepanjang pantai barat Borneo. Pada peringkat awal, Brunei bersetuju menyertai Malaysia tetapi berubah apabila beberapa syarat dalam tuntutannya tidak diterima oleh kerajaan Malaysia (FEER, 8 November 1962).

Bagi dua negeri lagi iaitu Sabah dan Sarawak, satu suruhanjaya telah ditubuhkan iaitu Suruhanjaya *Cobbold* untuk mendapatkan pandangan masyarakat di kedua negeri tersebut. Hasil daripada pungutan suara suruhanjaya *Cobbold* tersebut, diikuti pula kesediaan kerajaan Persekutuan untuk memenuhi dan menerima tuntutan daripada kedua-dua negeri ini, kemerdekaan akan diberikan oleh British kepada Sabah dan Sarawak sebaik sahaja penyertaannya ke dalam persekutuan Malaysia pada 16 September 1963. Penyertaan kedua-dua negeri ini ke dalam persekutuan Malaysia telah mendapat bantahan dari dua negara jirannya iaitu Indonesia dan Filipina. Bantahan ini tidak hanya dibincangkan dalam pertubuhan serantau seperti *Association of Southeast Asian Nations* (ASEAN) tetapi juga dibangkitkan dalam Persidangan Afro-Asian (FEER, 8 November 1962).

Isu Malaysia menjadi perhatian kepada anggota persidangan Afro-Asian apabila Indonesia menggunakan saluran diplomatik untuk menyekat penyertaan negara itu ke dalam persidangan tersebut. Ini kerana Indonesia menganggap Malaysia merupakan alat penjajahan Britain dan ia bukannya negara Asia sebenar. Walaupun tidak terlibat dalam pertikaian tersebut, ramai dalam kalangan anggota persidangan Afro-Asian beranggapan tuntutan Indonesia tersebut tidak berasas. Malaysia yang berada di bawah

satu pemerintahan yang *moderate* berbeza dari negara-negara Asia yang lain. Konflik Malaysia dengan Indonesia kelihatan sebagai satu daripada pertikaian persempadanan dan ideologikal yang sering dihadapi negara yang baharu merdeka. Usaha melayani tekanan Indonesia tersebut hanya memberikan kesan yang bahaya kepada pertubuhan ini. Malah kerajaan Jakarta turut berhadapan dengan kelumpuhan ekonomi dan keterasingan politik setelah ia keluar daripada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Sikap Anggota Afro-Asian Terhadap Penubuhan Malaysia

Sikap negara anggota Afro-Asian terhadap penubuhan Malaysia dapat dilihat berdasarkan kepada sikap terhadap penyertaan negara tersebut dalam persidangan Peringkat Tertinggi Afro-Asian Kedua yang juga dikenali sebagai Persidangan Bandung Kedua, dijadualkan pada tahun 1965. Usaha untuk mengadakan persidangan peringkat tertinggi Afro-Asian diputuskan oleh pemimpin negara anggota dalam mesyuarat di Kaherah, Mesir pada Julai 1964. Persidangan yang juga dikenali sebagai “Bandung Kedua” ini ditetapkan pada 10 Mac 1965 dengan Algeria diberi penghormatan untuk menjadi tuan rumah (Guy J. Pauker, 1965: 425-432). Isu yang timbul berhubung dengan persidangan ini ialah jemputan ke atas Kesatuan Soviet, Vietnam Selatan, Korea Selatan dan Malaysia. Keadaan ini timbul apabila kerajaan Algeria yang memberikan sokongan kepada *Viet Cong* yang enggan menerima kehadiran wakil dari Saigon dan Korea Selatan. Ini kerana kedua-dua negara ini terlibat secara langsung menentang *Viet Cong* dalam Perang Vietnam (Guy J. Pauker, 1965:425–432).

Kesatuan Soviet dan Malaysia juga berhadapan dengan masalah yang sama apabila cadangan India yang dikemukakan pada April 1964, untuk menjemput Kesatuan Soviet dan Malaysia dibantah oleh Indonesia dan China. Bantahan China terhadap kehadiran Kesatuan Soviet ke persidangan ini atas alasan ia adalah negara Eropah dan bukannya negara Asia. Indonesia pula membantah kehadiran Malaysia berikutan penubuhan Malaysia yang mengandungi Sarawak yang didakwa sebagai agen imperialis British. Pertikaian berhubung dengan jemputan kepada keempat-empat negara ini dibincangkan dan diputuskan dalam persidangan di Jakarta pada April 1964. Walaupun tidak mendapat kata putus yang jelas, namun persidangan ini telah memberikan gambaran tentang sikap negara-negara anggota persidangan tersebut terhadap penubuhan persekutuan Malaysia.

Sehingga tahun 1963, kedudukan Malaysia dalam persidangan Afro-Asian masih tidak menentu. Ketika Persidangan *Afro-Asian Solidarity Conference* pada April 1963 di Moshi, Tanganyika, wakil Malaysia iaitu Lim Shee Ping telah dihalang oleh pegawai imigresen ketika transit di Kenya dan terpaksa pulang semula ke Malaysia. Beliau dianggap sebagai wakil yang telah diminta oleh kerajaan Malaysia untuk menjawab tohmahan 107 pemimpin berhaluan kiri yang hadir dalam persidangan Afro-Asian tersebut. Indonesia menggunakan insiden ini untuk menghalang delegasi bersama Singapura-Malaysia yang diketuai oleh C. V. Devan Nair untuk hadir ke Persidangan tersebut. Beliau yang berusaha selama empat hari untuk mendapatkan kebenaran masuk, mendakwa sekretariat persidangan telah dikuasai oleh Komunis. Beliau memberi contoh, terdapat perwakilan yang telah menerima watak Indonesia untuk menyamar sebagai wakil Brunei. Menurut C. V. Devan Nair, beliau bukan kakitangan

imperialis dan mendakwa beliau sendiri pernah menghabiskan lima tahun di dalam penjara British kerana perjuangan menentang penjajah (*FEER*, 1963).

Penubuhan Persekutuan Malaysia dikutuk oleh Indonesia dan beberapa anggota Afro-Asian sebagai satu bentuk neokolonialisme. Indonesia berpendirian, jika persekutuan Malaysia ditubuhkan pada bulan Ogos 1963, “ia bermakna Indonesia mempunyai hak melancarkan perang ke atas pakatan agresif *the Southeast Asia Treaty Organization* (SEATO) di kawasan persempadanan”. Resolusi mengenai Brunei, Borneo Utara dan Sarawak yang dikemukakan oleh Indonesia merayu kepada “kerajaan Afro-Asian dan masyarakat umum supaya memberi sokongan penuh kepada perjuangan rakyat Kalimantan Utara menentang persekutuan yang kini dilaksanakan secara intensif oleh pakatan imperialis dengan kerjasama sekutu mereka dan mengiktiraf negeri baru yang bakal diisytiharkan merdeka sepenuhnya iaitu Kesatuan Kalimantan Utara” (*FEER*, 1963).

Usaha Indonesia melancarkan konfrontasi terhadap Malaysia menerima tentangan daripada sebahagian anggota Persidangan Afro-Asian khususnya dari Afrika. Antaranya Ivory Coast dan Morocco. Kedua-dua negara ini mengkritik penglibatan ketenteraan Indonesia ke atas Malaysia di samping menyokong draf resolusi Norway yang menggesa Indonesia menghentikan aktiviti ketenteraannya ke atas Malaysia. Dalam persidangan di Kaherah pula Mesir bersama-sama Yugoslavia, India dan Ghana turut menyuarakan tentangan dan kecaman terhadap aktiviti ketenteraan dan langkah Indonesia keluar daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Hal ini turut mendapat sokongan dari negara-negara Afrika yang lain. Sebagai reaksi dan tindakan selanjutnya, Indonesia dan China telah mengemukakan satu resolusi yang menentang penubuhan Malaysia. Walau bagaimanapun, resolusi ini telah ditolak oleh delegasi dari United Arab Republic, Kesatuan Soviet, India dan sebahagian besar Afrika (Peter John Boyce, 1968:172-183).

Negara-negara anggota persidangan Afro-Asian dari Afrika juga telah mula mengiktiraf Malaysia setelah lawatan persahabatan ke rantau tersebut dilakukan oleh Tunku Abdul Rahman dan timbalannya Tun Abdul Razak. Lawatan ini memberi impak yang besar terhadap hubungan Malaysia dengan anggota persidangan Afro-Asian apabila terdapat anggota persidangan tersebut yang ingin mengadakan hubungan diplomatik dengan Malaysia iaitu Morocco dan Algeria. Mereka juga menyokong penyertaan Malaysia ke dalam persidangan peringkat tertinggi Afro-Asian kedua. Kesediaan negara timur Afrika menyokong penyertaan Malaysia ke dalam persidangan kedua Afro-Asian tersebut, memperlihatkan hubungan yang semakin baik antara Malaysia dengan rantau tersebut. Ini diperkukuhkan lagi dengan pembukaan pejabat kedutaan di Addis Ababa dan Lagos. Algeria juga membenarkan Malaysia membuka pejabat perwakilannya di Algiers iaitu tempat persidangan peringkat tertinggi Afro-Asian kedua yang bakal dijalankan. Walau bagaimanapun, rusuhan telah meletus di Algiers sehingga menumbangkan pemerintahan kerajaan Ben Bella dan ini telah menyebabkan pejabat Wakil Malaysia di Algiers ditutup dan urusannya dipindahkan ke Morocco.

Dalam persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pula, bilangan negara anggota persidangan Afro-Asia yang mengkritik terhadap penubuhan Malaysia adalah amat sedikit. Ini jelas apabila parti pembangkang dari Malaysia dan Singapura

mengemukakan bantahan terhadap rancangan penubuhan tersebut kepada *World Organisation's Committee on Colonialism* pada Julai 1962, hanya Kesatuan Soviet dan Poland sahaja yang memberikan reaksi positif terhadap bantahan kumpulan tersebut. Negara-negara lain yang menolak petisyen tersebut termasuklah Cambodia, India, Mali, Syria dan Tunisia menolak manakala Ethiopia, Tanganyika, Uruguay, Uruguay dan Yugoslavia berkecuali. Langkah Malaysia menduduki kerusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang diwarisi dari Malaysia (Malaya), hanya ditentang oleh Kesatuan Soviet, Poland, Indonesia dan Filipina. Sebaliknya apabila bantahan Malaysia terhadap tindakan ketenteraan Indonesia ke atas Malaysia dibincangkan dalam Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada September 1964, hampir semua wakil Afro-Asian dan Latin Amerika menyokong resolusi Norway yang mengkritik tindakan Indonesia tersebut.

Walaupun harapan Malaysia diundang ke persidangan Cairo Oktober 1964 adalah kabur, Malaysia terus mengkritik pendirian Indonesia yang berusaha menyekat kehadirannya ke persidangan tersebut. Tunku Abdul Rahman menulis surat kepada seluruh ketua negara yang menyertai persidangan tersebut supaya “mendengar secara adil” sekiranya Indonesia melaungkan propaganda mengkritiknya dalam persidangan tersebut. Malaysia berusaha untuk mendapat jemputan ke persidangan Ketua Negara Afro-Asian Kedua yang dijadualkan pada 1965. Pada awal Jun iaitu dua minggu sebelum persidangan bermula, Malaysia mengumumkan India, Nigeria, Ceylon dan Euthopia “*bersetuju untuk mencadangkan penyertaan Malaysia ke dalam persidangan di Algiers*”. Sementara 23 buah negara yang lain “menunjukkan sokongan terhadap Malaysia”. Negara-negara tersebut ialah Afghanistan, Burma, Ghana, Iran, Jepun, Libya, Liberia, Malawi, Mali, Morocco, Nepal, Pakistan, Filipina, Senegal, Sudan Sierra Leone, Thailand, Tunisia, United Arab Republic, Tanzania, Zambia, Saudi Arabia dan Uganda. Negara penting yang tidak hadir ialah Cambodia, Kenya dan Algeria. Pada bulan Mei, jemputan dihantar kepada 64 negara kecuali Malaysia, Korea Selatan, Vietnam Selatan dan Kesatuan Soviet. Jemputan kepada Russia dan Malaysia bergantung pada keputusan mesyuarat Menteri Luar yang diadakan pada awal persidangan tersebut.

The Afro-Asian Solidarity Organization, merupakan gabungan tidak rasmi seperti parti-parti politik, Kesatuan Sekerja dan individu dari 30 buah negara Afro-Asian. Namun begitu, secara tidak rasminya organisasi ini dinaungi oleh beberapa pemimpin Afrika yang terkenal seperti Presiden Nasser, Nkrumah dan Nyerere. Ketika mesyuarat peringkat menteri di Jakarta April 1964, delegasi dari India mencadangkan agar Malaysia turut diundang ke persidangan kedua Afro-Asian. Ini menimbulkan reaksi yang kurang senang kepada delegasi Indonesia. Ini membawa kepada kritikan daripada Indonesia yang tidak senang dengan cadangan tersebut. Delegasi Indonesia telah menuduh delegasi India sebagai “trouble makers” kerana tidak sensitif kepada anggota *The Afro-Asian Solidarity Organization* yang lain. Melalui artikel di dalam akhbar pro-kerajaannya, India dianggap sebagai “mengganggu perasaan warga Indonesia dengan membawa “neokolonialisme British, iaitu Malaysia” dan cuba memecahbelahkan Afro-Asian serta mengganggu persediaan persidangan tersebut. Walau bagaimanapun, India tetap tidak berganjak daripada cadangannya (*FEER*, 7 Mei 1964).

Tindakan Indonesia mengkritik penubuhan Malaysia sebagai imperialisme bentuk baru turut mendapat pandangan negatif dalam kalangan sebahagian anggota

Persidangan Afro-Asian. Ketika mesyuarat peringkat Menteri di Jakarta pada 14 April 1964, delegasi Cameroon menyatakan negaranya faham tentang isu yang dikemukakan oleh rakan Afro-Asiannya itu. Perkara ini perlu diselesaikan melalui musyawarah dan berpegang kepada prinsip kesepaduan Afro-Asian. Langkah membincangkan isu tersebut akan memberikan kesan yang buruk kepada kesepaduan Afro-Asian kerana ia melibatkan negara-negara yang berbeza pandangan terhadap Malaysia dalam persidangan ini. Jika dibincangkan ia akan pasti menimbulkan satu polemik yang menjejaskan hubungan dalam kalangan anggota Afro-Asian. Malaysia perlu diundang untuk menghadiri persidangan ini walaupun mendapat tentangan Indonesia. Jika tidak ia akan meletakkannya ke dalam kumpulan kuasa neokolonialisme (*Meeting of Ministers in Preparation of the Second African-Asian Conference, Djakarta, 10-15 April 1964*). Kehadiran negara tersebut akan mempertingkatkan bilangan negara anggota persidangan Afro-Asian dan akan mempunyai suara yang ramai dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Isu berkaitan dengan penubuhan Malaysia ini akhirnya mendapat tempat dalam resolusi mesyuarat peringkat menteri di Jakarta pada 15 April 1964. Resolusi tersebut mencadangkan jemputan ke persidangan kedua ketua negara Afro-Asian dipanjangkan kepada Malaysia. Dalam hal ini, mereka berharap agar halangan yang menyekat jemputan tersebut dihapuskan dan jemputan perlu disegerakan secepat mungkin.

Sepanjang awal tahun 1965, pemimpin Malaysia berusaha memperluaskan hubungan diplomatiknya ke rantau Asia dan Afrika. Pemimpin tertingginya Yang di-Pertuan Agong, melakukan lawatan ke United Arab Emirates, Kuwait, Jordan dan Arab Saudi selepas menunaikan Haji di Mekah. Menteri Kewangan Tan Siew Sin mengadakan lawatan ke India, London dan New York, manakala Menteri Perdagangan dan Industri Dr. Lim Swee Aun melawat Australia dan seterusnya menghadiri mesyuarat *Economic Commission for Asia and the Far East* (ECAFE) di New Zealand. Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak meneruskan misi diplomatik yang telah dilaksanakan sebelumnya ke Afrika Utara dengan mengadakan lawatan rasmi ke Tanzania, Sudan, Mesir, Uganda, Kenya, Ethiopia, Somali, Lebanon, India, Pakistan and Ceylon. Selepas kunjungannya ke Australia and New Zealand, Lee Kuan Yew, menyertai *socialist conference* di Bombay sebelum ke New Delhi. Perdana Menteri Malaysia, Tunku Abdul Rahman berkunjung ke Korea Selatan dan Jepun dan pada Jun 1965 beliau menghadiri Persidangan Ketua-Ketua Negara Komanwel di London. Usaha ini memperluaskan hubungan diplomatik Malaysia dengan negara Asia dan Afrika yang sebahagian besarnya ialah anggota Afro-Asia seperti Mesir dan India (Harvey Stockwin, 1965:389). Hubungan yang baik ini pada dasarnya turut membantu Malaysia dalam menentukan kedudukannya dalam persidangan Afro-Asia yang dirancang di Algiers. Terdapat kalangan pemerhati yang ragu terhadap peluang Malaysia ke persidangan tersebut kerana halangan daripada pakatan Beijing-Jakarta (juga Rawalpindi). Ini berbeza dengan sebahagian besar pemimpin Malaysia yang beranggapan sebahagian besar negara anggota persidangan tersebut akan menyokong penyertaannya ke dalam persidangan Algiers. Negara yang mempunyai hubungan dengan Malaysia menegaskan pendirian masing-masing yang negara itu mempunyai kelayakan penuh untuk dijemput.

Persidangan Negara-Negara Islam Afro-Asia (AAIC)

Persidangan Negara-Negara Islam Afro-Asia (AAIC) 6–14 Mac 1965 yang dihadiri 33 buah negara Asia dan Afrika merupakan persidangan pertamanya mengenai sosio-ekonomi diadakan di Bandung dan Jakarta (*FEER*, 1965). Persidangan yang seharusnya menjadi medan membincangkan keadaan ekonomi dan sosial negara umat Islam di rantau tersebut, menjadi medan kepada pemimpin negara anggota menghentam Malaysia. Menurut laporan akhbar *Antara*, berdasarkan kepada pembentangan kertas kerja pada Mac 1965 menyatakan dalam kalangan kertas kerja yang dibentangkan dalam sesi *plenary* ketiga telah dibentangkan oleh ketua delegasi Ceylon iaitu Dr Badiuddin Mahmud, Minister of Health. Beliau menyatakan:

“it was a shame that the Tunku called himself the father of Malaysia’.” ... “Indeed he (the Tunku) is a father of an illegitimate child which was born overnight ... ‘Malaysia’ is an illegitimate child which has no father and no mother ... he is the father and new colonialism its mother;” Ceylonese Minister of Health continued, adding that he deeply regretted “lowering himself to the level of garbage in regard to this issue”.

(*FEER*, 1965)

Setiausaha Agong AAIC, Haji Ahmad Sjaichu, juga dilaporkan telah memaklumkan kepada Raja Maghribi (Morocco) pada Mei 14, Sukarno mencadangkan penganjutan persidangan tersebut bertujuan untuk menyekat ancaman Komunis di Asia dan Afrika. Walaupun pada dasarnya perlembagaan Malaysia mengiktiraf Islam sebagai agama rasmi tetapi tidak dijemput kerana “kedudukannya sebagai alat golongan imperialis dan kapitalis”.

Manakala kenyataan Naib Pengerusi jawatankuasa penganjur AAIC, Tjokroaminoto, persidangan ini dianjurkan berikutan penarikan keluar Indonesia daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang akan “menyumbang ke arah pembinaan satu dunia baharu”. Ucapan pembukaan oleh Sukarno banyak menekankan pencapaian revolusi Indonesia seperti bertujuan untuk mempengaruhi ramai delegasi bagi mengelakkan kemungkinan penolakan dua draf resolusi mengutuk Malaysia.

Delegasi China yang diketuai oleh Yusof Ma Ju-Huai iaitu Naib Pengerusi Pertubuhan Islam China, menekankan resolusi yang menyokong rakyat Malaysia, Congo, Vietnam dan Palestin dalam perjuangan mereka menentang kolonialisme, neokolonialisme dan imperialism. Selain itu, masyarakat di Korea dan Jepun menentang perundingan ‘normalisation,’ dan Filipina yang menentang kewujudan pengkalan tentera Amerika Syarikat di negara mereka. Delegasi Pakistan pula mengemukakan isu layanan masyarakat Islam di Kashmir tetapi dibantah oleh delegasi India selepas sepuluh minit.

Persidangan AAIC ini kelihatan lebih mengambil perhatian isu-isu politik berbanding dengan isu agama. Keadaan di Indonesia ketika itu memperlihatkan keterlibatan agama dalam politik secara berleluasa. Terdapat beberapa perselisihan antara pertubuhan Islam seperti Himpunan Mahasiswa Indonesia dengan Partai Komunis Indonesia berlaku di negara tersebut ketika itu. Ini merupakan faktor penting yang membawa kepada pengharaman demonstrasi pada 20 Mac 1965, yang disifatkan

Dr. Subandrio sebagai menyebabkan pemimpin-pemimpin negara yang menghadiri sambutan ulangtahun ke-10, persidangan Bandung beranggapan keadaan politik Indonesia berada dalam keadaan tidak stabil.

Persaingan ini membawa kepada kedua-dua pertubuhan tersebut saling tuduh menuduh antara satu sama lain melalui lidah rasmi mereka. Partai Komunis Indonesia (PKI) menghentam AAIC dalam akhbar rasminya *Harian Rakjat* dengan menuduh persidangan tersebut gagal mengkritik imperialisme Amerika Syarikat dan Malaysia. Akhbar yang diterajui pertubuhan Islam seperti *Obor Revolusi* di Jawa Timur pula menghentam PKI sebagai anti-Islam dengan mengetengahkan beberapa insiden sebagai bukti. Perkembangan yang berlaku ketika sambutan ulangtahun ke-10 Bandung pada April 1965 memberi gambaran di Jakarta yang persidangan Afro-Asian pada Jun 1965 lebih mudah dimanipulasi untuk kepentingan pihak yang mendominasinya “ (FEER, 1965). Walau bagaimanapun, “Persidangan Bandung Kedua” yang dijadualkan di Algeria tertangguh berikutan penggulingan Ben Bella pada 19 Jun 1965 oleh Majlis Revolusi yang diketuai oleh Menteri Pertahanan Kolonel Houari Boumedienne (FEER, 1965).

Rumusan

Berdasarkan kepada reaksi negara anggota *The Afro-Asian Solidarity Organization* terhadap cadangan India untuk menjemput Malaysia untuk hadir ke Persidangan kedua Afro-Asian ini, jelas memperlihatkan tahap kesepakatan pertubuhan tersebut. Terdapat beberapa faktor yang turut menyumbang kepada perbezaan pendapat berhubung dengan penubuhan Malaysia. Antara aspek terpenting tersebut ialah krisis Sino-Soviet dan usaha diplomatik pemimpin-pemimpin Malaysia.

Krisis Sino-Soviet yang meletus ketika itu telah memperlihatkan China lebih mendominasi pertubuhan tersebut. Ini menimbulkan perasaan kurang senang dalam kalangan beberapa negara yang juga menghadapi masalah dengan China khususnya India. Hubungan India dengan China agak kritikal berikutan wujudnya pertikaian persempadanan antara dua negara tersebut. Pakatan China dengan Indonesia yang dimeterai pada tahun 1961 memperkukuhkan kedudukan kuasa tersebut dalam pakatan Afro-Asian. Perkembangan inilah menyebabkan India mencadangkan kemasukan Malaysia yang juga rakan Komanwel Britishnya ke dalam Afro-Asian melalui sokongannya terhadap penyertaan ke persidangan kedua peringkat ketua negara yang dicadangkan pada tahun 1965. Ini bagi mengimbangi kekuatan pengaruh golongan pro-China dalam pakatan tersebut.

Usaha diplomatik yang digerakkan oleh pemimpin Malaysia ke atas negara-negara rantau Afrika turut membantu kepada kepelbagaian sikap terhadap negara tersebut dalam kalangan negara-negara Afro-Asian. Pada dasarnya sebelum tahun 1963, aktiviti diplomatik antara Malaysia dengan negara-negara Afrika tidak begitu aktif. Siri lawatan para pemimpin Malaysia selepas tahun 1963 ke rantau tersebut menyebabkan ramai pemimpin Afrika mula memahami isu dan persoalan di sebalik krisis antara Indonesia dan Filipina dengan Malaysia. Ini menyebabkan sebahagian besar negara Afrika yang menganggotai persidangan Afro-Asian (*Non-Alignment Movement* selepas 1961) menyokong penyertaan negara baru itu ke dalam persidangan Afro-Asian.

Rujukan

- Boyce, Peter John. (1968). *Malaysia and Singapore in international diplomacy: documents and commentaries*. Sydney: Sydney University Press.
- Kahin, George McTurnan. (1956). *The Asian-African Conference: Bandung, Indonesia, April 1955*. Ithaca: Cornell University Press.
- Nazli Choucri. (1969). "The Nonalignment of Afro-Asian States: Policy, Perception, and Behaviour", *Canadian Journal of Political Science / Revue canadienne de science politique*, Vol. 2, No. 1.(Mar., 1969), hlm. 1-17.
- Parmanent Secretariat of Afro-Asian People's Solidarity Organization, *Proceedings: The Third Afro-Asian People's Solidarity Conference, Moshi, Tanganyika, 4-11 February 1963*.
- Pauker, Guy J., (1965), "The Rise and Fall of Afro-Asian Solidarity," *Asian Survey*, Vol. 5, No. 9 (Sep., 1965), pp. 425-432.
- Proceedings: Meeting of Ministers in Preparation of the Second African-Asian Conference, Djakarta, 10-15 April 1964*. (Restricted issue by Organizing Committee; hereafter cited as Proceedings).
- Sanger, Clyde, "Afro-Asians at Moshi," *FEER*, Vol. 39, No. 11, 14 Mar 1963, hlm. 553
- Special Correspondent, "Confrontation at Bandung", *FEER*, Vol. 44, No.6, 7 Mei 1964, hlm. 293. "Towards Malaysia", *FEER*, Vol. 38, No. 6. 8 November 1962, 340.
- Zainal Abidin Abdul Wahid et al., *Malaysia: warisan dan perkembangan, edisi kedua*, Dewan bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1996.